

'Mengaji' alam di Rimba Ilmu

'Mengaji' alam di Rimba Ilmu

Hutan simpan seluas dua hektar di UIAM Kuantan ada 84 spesies pokok hutan, herba

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Kewujudan Rimba Ilmu Universiti Islam Antarabangsa Mala-
syia (UIAM) Kampus Kuan-
tan mampu membantu dalam menyampaikan mak-
lumat berkaitan hutan terutama spesies pokok dan herba.

Timbalan Pengarah UIAM Kuantan, Prof Dr Samsul Draman berkata, ini kerana masih ramai yang tidak mengenali spesies pokok dalam hutan terutama di kalangan generasi muda.

Katanya, dengan kewujudan Rimba Ilmu itu di-

harap memberikan pengalaman baharu terutama dalam bidang penyelidikan.

"Setakat ini, lebih 84 spesis pokok hutan dan herba sudah dikenal pasti di kawasan seluas kira-kira dua hektar ini.

"Idea kewujudan Rimba Ilmu UIAM Kuantan ini tercusus oleh Kuliah Farmasi pada 2019 dan ia akhirnya menjadi kenyataan.

"Kedudukannya di tengah dan dikelilingi bangunan UIAM Kuantan ini menambah lagi keunikan dengan kewujudannya," katanya selepas melancarkan Rimba Ilmu UIAM Kuantan, di sini, semalam.

Rimba Ilmu ialah projek pemuliharaan hutan yang

dilaksanakan Kuliah Farmasi yang diketuai Dekannya Prof Madya Dr Julianne Md Jaffri.

Beliau berkata, pelaksanaannya bermula dengan pengecaman tumbuhan dengan tepat dan memberikan nama saintifik dan tempatan.

"Harapan kami ialah untuk memberikan peluang dan mengembangkan aktiviti kepada komuniti luar.

"Dengan adanya Rimba Ilmu ini, mereka terutama pelajar tidak perlu pergi jauh untuk melihat lebih dekat pelbagai spesis pokok hutan serta herba termasuk rotan dan palas yang ada di sini," katanya.

DR Samsul (tengah)
ketika majlis pelancaran
Rimba Ilmu UIAM
Kuantan. - Gambar
NSTP/ASROL AWANG

